

Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Adenan Satem Angkat Sumpah Atas Kemenangan BN.

By admin

May 8, 2016

Deputy Prime Minister of Malaysia | Home Minister

Kemenangan Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Negeri Sarawak ke -11 (PRN11) dengan memenangi 72 kerusi daripada 82 kerusi telah mengangkat Tan Sri Adenan Satem sebagai Ketua Menteri Sarawak.

Tan Sri Adenan Satem semalam telah mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri selepas BN kembali berkuasa mentadbir negeri ini untuk penggal ke -11.

Adenan mengangkat sumpah bagi jawatannya itu dihadapan Yang Pertua Negeri Sarawak Tun Abdul Taib Mahmud di Astana Negeri disini.

Turut hadir ke majlis angkat sumpah itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan parti komponen BN Sarawak.

PRN-11 kali ini, Tan Sri Adenan berjaya mempertahankan kerusi Tanjong Datu untuk penggal ke-10 selepas mengalahkan Jazolkipli Numan dari PKR dengan majoriti 5,892 undi.

Ini kali pertama Tan Sri Adenan Satem mengetuai Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Negeri Sarawak.

Blog at WordPress.com.

Source: <https://zahidhamidi.com/2016/05/08/ketua-menteri-sarawak-tan-sri-adenan-satem-angkat-sumpah-atas-kemenangan-bn/>